



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

20 OGOS 2022 (SABTU)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

20 OGOS 2022 (SABTU)



ROSOL (ciri) ditemani Dr Ameer melawat Mydin Mall Seremban 2 - Gambar NSTP/AZRUL EDHAM

KBBM: Sasar jualan meningkat RM80j

Seremban: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menasaskan peningkatan 2.5 peratus atau RM80 juta berbanding tahun lalu bagi nilai jualan produk menerusi Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM).

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid berkata, sebanyak RM3.2 bilion nilai jualan produk jenama tempatan menerusi KBBM direkodkan pada tahun lalu.

"Dengan perkembangan pemulihan ekonomi yang semakin rancak ketika ini, kementerian menasaskan

peningkatan sebanyak 2.5 peratus nilai jualan bagi tahun ini, berbanding sejumlah RM3.2 bilion nilai jualan produk jenama tempatan menerusi KBBM pada 2021.

"Dengan promosi berte-rusan KBBM, kementerian yakin ia dapat melonjakkan permintaan barangan tempatan dalam pasaran," katanya selepas sambutan Ulang Tahun Ke-65 Mydin di Mydin Mall Seremban 2 di sini, kelmarin.

Turut hadir, Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Berhad, Datuk Dr Ameer Ali Mydin.

KPDNHEP sasar pelaburan RM7.5 juta melalui PJFB Selangor

SHAH ALAM - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyasarkan potensi pelaburan sebanyak RM7.5 juta dalam Program Jelajah Franchise Bay (PJFB) 2022 yang diadakan di Aeon Mall Shah Alam pada Jumaat sehingga Ahad ini.

Timbalan Menteri KPDNHEP, Datuk Rosol Wahid berkata, sekurangnya 30 potensi francais disasarkan dalam tempoh tiga hari tersebut dengan memberi tumpuan kepada masyarakat di Lembah Klang.

Menurutnya, keyakinan itu berdasarkan Laporan Franchise Bay 2022 yang dilaksanakan di Sarawak, Johor dan Pahang sebelum ini dengan potensi pelaburan sebanyak RM93 juta.

"Melalui program ini, bakal peniaga francais didedahkan dengan sistem perniagaan francais, pakej latihan dan pembiayaan yang disediakan oleh kerajaan.

"PJFB di Sarawak, Johor dan Pahang tahun ini me-



Rosol (dua dari kanan) ketika mengunjungi salah satu reruai pada program PJFB di Aeon Mall Shah Alam pada Jumaat.

nyaksikan sebanyak 304 potensi francais telah mendapatkan khidmat nasihat dan mengemukakan hasrat mereka untuk menjadi francais.

"Ia menunjukkan potensi

yang tinggi dan kefahaman rakyat terhadap francais ini perlu diperhebatkan lagi," katanya pada majlis perasmian PJFB di Aeon Mall Shah Alam pada Jumaat.

Dalam pada itu, Rosol menjelaskan, kementerian turut menawarkan Program Francais Mikro dan Mampu Milik yang membuka peluang kepada usahawan dengan modal bawah

RM100,000.

"Ini adalah satu inisiatif kementerian untuk membuka lebih banyak peluang perniagaan francais terutama dalam kalangan B40 dan M40 bagi meningkatkan taraf hidup serta mencipta peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat.

"Antara jenama bersama kita pada hari ini yang menawarkan pakej Francais Mikro dan Mampu Milik adalah Procleaners, HOME Maths Therapy dan Ani Sup Utara," ujarnya.

Selain itu, Rosol juga menggalakkan lebih ramai graduan institusi pengajian tinggi, belia dan golongan yang sedang mencari pekerjaan untuk merebut peluang francais itu.

"Sebanyak 33 permohonan geran padanan berjumlah RM2.4 juta telah diluluskan oleh kementerian di bawah program Francais Mikro dan Mampu Milik manakala bagi permohonan geran penuh sebanyak 14 permohonan telah diluluskan," katanya.

KPDNHEP sita 1,000 liter diesel

IPOH – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perak menyita hampir 1,000 liter minyak diesel bernilai RM45,850 dalam satu operasi yang dijalankan di sebuah stesen minyak di Jalan Sultan Iskandar Shah, di sini kelmarin.

Pengarahnya, Saifullizan Kamarul Zaman berkata, operasi bermula kira-kira 2.30 petang itu adalah hasil pemantauan harian yang dijalankan oleh anggota penguat kuasa di stesen minyak sekitar Ipoh.

Katanya, hasil pemeriksaan mendapati, sebuah lori bertutup kanvas sedang mengisi minyak diesel di stesen minyak tersebut.

"Pemeriksaan lanjut mendapati terdapat empat buah tangki fiber yang disyaki berisi minyak diesel disimpan di dalam lori itu.

"Pemeriksaan lanjut juga mendapati, saluran tangki asal minyak lori terbabit telah diubah suai salurannya dan disambungkan dengan empat buah tangki fiber berkenaan," katanya dalam kenyataan semalam.

Ujarnya, semakan juga mendapati pemandu lori yang beru-



ANGGOTA penguat kuasa KPDNHEP memeriksa tangki fiber yang diubah suai dalam sebuah lori di Ipoh kelmarin.

sia 24 tahun itu tidak mempunyai sebarang dokumen atau permit yang sah bagi membeli minyak diesel dan pihaknya telah menahan lelaki tersebut untuk diambil keterangan.

"Hasil pemeriksaan dan siasatan awal mendapati pemandu itu tidak mempunyai sebarang kebenaran bertulis untuk membeli barang kawalan petrol atau diesel dalam kuantiti banyak daripada Pengawal Bekalan Malaysia.

"Dianggarkan hampir 1,000

liter disyaki diesel telah diisi ke dalam tangki-tangki berkenaan," katanya.

Ujarnya, lori itu disyaki mengumpul minyak diesel dengan mengisi di beberapa stesen sebelum dijual kepada pihak industri.

"Sehubungan itu, KPDNHEP Perak telah menyita diesel dianggarkan bernilai RM45,850.

"Kes itu disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974," katanya.

Kedai caj teh o ais RM5 dikompaun

PORT DICKSON - Bukan hanya seorang, sebaliknya tiga pelanggan mendakwa menjadi mangsa harga 'cekik darah' sebuah kedai makan di Medan Selera Seri Bayu di sini yang tular baru-baru ini.

Premis makanan berkenaan tular di media sosial susulan caj RM5 dikenakan untuk segelas teh o ais termasuk harga makanan lain yang disifatkan mahal.

Menerusi perkongsian pemilik akaun Facebook yang menggunakan nama Nik Aisyah, dia tidak sangka turut menjadi mangsa 'kedai makan kayangan viral' tersebut.

Dia turut menasihatkan orang ramai berhati-hati agar tidak menerima nasib sama.

"Kita pun makanlah dekat kedai yang tiada *banner* (kain rentang) itu sebab tak ingat nombor kedai dia. Rupanya *banner* atas kedai itu dia cabut...elak pun terkena juga.

"Waktu makan tadi ramai terkena, mujurlah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) ada sekali," tulisnya.

Kedai Viral #PortDickson

See more

Along jalan kecam saya. Saya bertanya untuk mendapatkan kepastian harga. Gambar dibawah adalah receipt ikatan sembel petai dan sembel sotol ialah 2 sudu besar teh untuk satu ping. Air ialah limau asam dan sirap am. Adakah harga ini valid untuk makan sekarang?



Perkongsian mangsa harga 'cekik darah' sebuah kedai makan di Port Dickson.

Turut dimuat naik ialah resit makanan yang diterima dari kedai berkenaan, antaranya tertera RM10 untuk dua gelas teh o ais dan RM6 untuk segelas milo ais.


Sementara itu, KPDNHEP Port Dickson ketika dihubungi *Sinar Harian* memberitahu, pemilik premis tersebut telah dikenakan tindakan kompaun di bawah Akta Kawalan Harga dan

See more

See more

Punya ah berhad2 dengan kedai makan kayangan vad sebab lita terkena baik. (2) duk baca orang mid sebab tengok banner dia. Kita pun makan lah dekat kedai yang sudah banner tu, sebab tak ingat no kedai dia, rupanya banner atas kedai tu dia cabut. (3) tak pun takut juga. HATI lah kalau nak makan kedai makan bayu-ku, abang2 kedai aj 1-94

Waktu makan tadi ramai terkena, mujurlah kpdnhep ada kedai. Waktu abang2 tu tanya kemas ke harga mcmni, dia boleh jawab dengan nada menghina 'sari jua kedai stegi ball barang'. Kita makan 3 orang je terkena sampai marnen, beramin. Jengon lah annye orang dengan harga mcmamni. 'Portion nak lagi harga?' Kesian dengan makcik makcik dengan bantal tu waktu 2 menu je dia callap mudi sebati.



Antipencatutan 2011 pada Khamis.

"Bertindak atas tiga aduan diterima daripada orang awam, pasukan penguat kuasa KPDNHEP Port Dickson menjalankan Ops Samar.

"Hasil pemeriksaan mendapati, tiada tanda harga diletakkan di premis dan tindakan kompaun serta-merta telah dikenakan," jelasnya.

Pemandu lori ditahan seleweng diesel subsidi

Johor Bahru: Tindakan mencurigakan seorang lelaki ketika mengisi diesel ke dalam lori dipandunya di sebuah stesen minyak di Ulu Tiram, di sini, membawa padah apabila dia ditahan kerana menyeleweng bahan api subsidi itu.

Suspek berusia 36 tahun ditahan sepasukan anggota polis selepas mengesan tangki minyak yang sudah diubah suai pada lori terbabit ketika serbuan dilakukan jam 12.30 tengah hari kelmarin.

Ketua Polis Daerah Seri Alam, Superintendan Mohd Sohaimi Ishak, berkata pemeriksaan turut menemukan dua tong berisi diesel dianggarkan 200 liter setiap satu di bahagian belakang kenderaan.

"Berdasarkan siasatan itu, kita mengesyaki lelaki terbabit menjalankan aktiviti penyeludupan diesel bersubsidi, sebelum dia ditahan untuk tindakan lanjut.

"Kita turut merampas lori dipandunya bersama dua tong diesel dianggarkan berisi 272.93 liter serta sehelai resit pembelian bahan api subsidi berjumlah RM186," katanya mengesahkan nilai rampasan keseluruhan RM20,500.



LORI dengan tangki minyak yang sudah diubah suai dirampas dalam serbuan di stesen minyak dekat Ulu Tiram.

Pemandu lori seludup diesel subsidi dicekup

Johor Bahru: Polis menahan seorang lelaki tempatan kerana disyaki menjalankan aktiviti penyeludupan diesel bersubsidi, kelmarin.

Dalam serbuan jam 12.30 tengah hari kelmarin polis terlebih dahulu melihat lelaki berkenaan mengisi minyak ke dalam sebuah lori dalam keadaan mencurigakan di stesen minyak kawasan Ulu Tiram di sini.

Ketua Polis Daerah Seri Alam, Superintendan Mohd Sohaimi Ishak berkata, ketika pemeriksaan, pihaknya mendapati tangki minyak lori berkenaan sudah diubahsuai.

"Kita turut menemui dua tong berisi diesel dianggarkan 200 liter setiap satu yang berada di bahagian belakang kenderaan berat itu.

"Kita kemudian mena-

han lelaki yang berusia 36 tahun dan merupakan pemandu lori itu," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, dalam serbuan itu, pihaknya merampas lori berkenaan bersama dua tong diesel dianggarkan 272.93 liter serta sehelai resit pembelian minyak berjumlah RM186.

Katanya, nilai keseluruhan barang rampasan mencecah RM20,500.

Mohd Sohaimi berkata, hasil semakan mendapati suspek tidak mempunyai rekod jenayah lampau.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Kita akan terus membanteras dan memastikan kegiatan penyelewengan atau ketirisan minyak diesel atau minyak lain yang menyebabkan kerugian kepada masyarakat dan negara," katanya.

Senarai Harga Barang Keperluan							
• Ayam	RM7.49	• Telur Gred A	RM13.05	• Gula Pasir	RM2.85	• Cili Merah	RM12
• Daging Lembu Tempatan	RM44.29	• Ikan Kembung	RM12.90	• Bawang Besar.Holland	RM2.20	• Kubis Bulat Tempatan	RM4.99
• Daging Lembu Import	RM53.90	• Minyak Masak	RM7.40	• Bawang Putih	RM5	• Tepung Gandum	RM2.60

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP